

Headline	Impian Azeem jejak Old Trafford jadi kenyataan		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	13 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	120,848
Page No	62	Readership	269,000
Language	Malay	ArticleSize	155 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,857
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,571



Impian Azeem jejak Old Trafford jadi kenyataan

“**SYUKUR** kerana impian saya sejak kecil untuk menjejakkan kaki ke Old Trafford akhirnya tercapai.”

Demikian jelas Muhamad Azeem Azhar (**gambar**) yang akan menimba pengalaman dan menjalani latihan selama 10 hari di Manchester United Soccer School (MUSS), United Kingdom.

Azeem, 20, merupakan antara 16 peserta yang terpilih bagi mengikuti program itu selepas melepasi sesi pemilihan anjuran Yayasan Rakyat Malaysia (YRIM) bersama Mamee Double Decker dan Manchester United.

Azeem yang merupakan anak sulung daripada tiga beradik berkata, dia akan menggunakan kesempatan sepanjang berada di MUSS untuk menimba sebanyak mungkin ilmu baharu.

“Rezeki terpilih ke MUSS adalah bonus hasil usaha keras menjalani latihan selama ini selain dorongan semangat daripada ibu bapa serta jurulatih.

“Pengalaman dan ilmu yang ditimba akan dikongsi dengan pemain lain untuk melihat sukan bola sepak negara terus berkembang sekali gus melahirkan lebih ramai bintang untuk ke peringkat antarabangsa,” katanya semalam.

Azeem ditemui selepas menerima sumbangan daripada Anggota Parlimen Kepala Batas, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican, dalam satu majlis ringkas di Wisma UMNO Kepala Batas di Pulau Pinang semalam.

Azeem berkata, dia terpaksa menempuh pelbagai cabaran termasuk bersaing dengan lebih 4,000 calon lain pada sesi awal pemilihan.

“Alhamdulillah, berkat kerja keras selama ini telah membuahkan hasil apabila saya antara 16 yang lain terpilih untuk menyertai program berkenaan.

“Debaran mula dirasai ketika mengikuti sesi pemilihan akhir apabila saya perlu menunjukkan kemampuan terbaik bagi mengatasi 400 calon lain yang mempunyai kemahiran dan kelebihan sendiri,” katanya yang juga penuntut jurusan Diploma Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau, Perlis.

